

**NO. SOALAN : 497**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR]**

**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) statistik mengenai harta-harta, tanah perkuburan, dan dana untuk masyarakat Hindu di Malaysia; dan
- (b) kemajuan dan status penubuhan Lembaga Wakaf Hindu di seluruh Malaysia, seperti yang ada di Pulau Pinang, iaitu Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Mengenal Pasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program Dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) sebanyak 15 buah krematorium telah dikenalpasti untuk dibina di kawasan yang mempunyai kepadatan masyarakat India yang tinggi. Kawasan ini termasuk Kapar, Teluk Kemang, Batu Kawan, Sg.Siput, Segamat dan sebagainya. Agensi Kerajaan yang telah diberi mandat untuk menyelaras dan melaksana projek pembinaan krematorium ini adalah Unit Penyelarasan & Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Sejak tahun 2009, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional telah memperuntukkan dana khas berjumlah RM43 juta untuk membaik pulih dan membina kira-kira 1,100 kuil-kuil Hindu dan tempat ibadat kaum India yang lain di seluruh negara.

(b) Buat masa ini, Kerajaan tiada sebarang perancangan untuk menubuhkan Lembaga Wakaf Hindu di negeri-negeri lain seperti yang ada di Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.